

15/07/1997

Pas tandus idea jika bangkitkan isu Tok Bali

KOTA BHARU, Isnin - Pas tidak akan berjaya mempengaruhi pengundi di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak dalam pilihan raya kecil 11 Ogos ini dengan menggunakan isu pembangunan Kampung Tok Bali sebagai pusat pendaratan ikan termoden di negeri itu.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kelantan, Datuk Annuar Musa, berkata jika taktik itu digunakan, ia membuktikan Pas kehilangan punca dan tidak ada isu untuk menarik perhatian rakyat.

Menurutnya, Pas tidak boleh mengelirukan pemikiran rakyat di DUN itu berhubung isu Tok Bali kerana kerajaan negeri tidak melakukan sebarang program pembangunan di kawasan berkenaan.

Malah, katanya, masih banyak masalah lain membelenggu rakyat bukan saja di Semerak tetapi di seluruh negeri ini yang belum diselesaikan oleh pimpinan Pas di Kelantan.

"Tinjauan awal BN mendapati banyak jalan di kawasan kampung, masalah kemiskinan petani dan nelayan belum diselesaikan oleh kerajaan negeri dan bekas wakil rakyat Pas di DUN Semerak.

"Oleh itu, Pas jangan lupa masih banyak masalah rakyat yang terabai dan belum diselesaikan.

"Jadi, soal Tok Bali, kerajaan negeri belum berbuat apa-apa yang boleh memberi manfaat besar kepada penduduk dan nelayan di kawasan itu," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Baru-baru ini, Timbalan Pesuruhjaya Pas Kelantan yang juga Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman mendakwa harapan Pas semakin cerah, berikutan Kampung Tok Bali yang termasuk dalam DUN Semerak akan dibangunkan menjadi pusat pendaratan ikan termoden di negeri itu.

Menurutnya, projek itu amat besar dan dipersetujui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan atas dasar itulah rakyat akan memilih Pas sekali lagi.

Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata jika kerajaan negeri ingin melihat Tok Bali maju sebagai pusat pendaratan ikan termoden di Pantai Timur, langkah positif harus dilakukan bagi memajukan.

"Kerajaan Pusat setuju terhadap projek itu kerana ia sesuatu yang positif terutama untuk kepentingan masyarakat nelayan, jadi kita (kerajaan Pusat) beri sokongan.

"Oleh demikian, kerajaan negeri perlu memulakannya, bukan kerajaan Pusat yang tidak ada kuasa terutama membabitkan soal tanah, tetapi setakat ini tidak apa-apa dilakukan ke arah memajukan kawasan itu," katanya.

(END)